

EK

ECONEWS

PROSPEK EAEC MAKIN CERAH, KATA MAHATHIR

Daripada K.C. Leong

TOKYO, 13 Mei (Bernama) -- Prospek Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) menjadi kenyataan kini lebih cerah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata hari ini.

Amerika Syarikat menentang EAEC semasa di bawah pentadbiran Bush tetapi Presiden Bill Clinton setakat ini belum membuat sebarang kenyataan mengenainya, katanya semasa sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapan dasar pada persidangan antarabangsa mengenai "Peranan Asia Dalam Order Dunia Yang Berubah" di sini:

"Selagi beliau (Clinton) membisu, kita boleh berharap (bahawa dia tidak akan menentang EAEC). Jika dia bersuara, saya berharap ianya adalah untuk mengatakan bahawa adalah baik diadakan EAEC," tambahnya.

Dr Mahathir menjawab pertanyaan sama ada beliau merasakan adanya prospek EAEC makin menjadi kenyataan semakin cerah berikutan perubahan di Amerika Syarikat, Asean dan Jepun serta pengumuman mengenai prinsip-prinsip asas EAEC yang beliau sendiri umumkan dalam ucapan dasarnya.

Menjawab soalan yang lain, beliau berkata bahawa EAEC bukan satu ilusi mahupun obsesi tetapi akan menjadi kenyataan yang dapat menyumbang ke arah pertumbuhan dan pembangunan yang lebih pesat di seluruh rantau Asia Timur.

Tambahnya, adalah mustahil untuk menilai EAEC berdasarkan pengalaman Kesatuan Eropah terhadap Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara, kerana EAEC, tidak seperti Kesatuan Eropah, hanya merupakan satu forum semata-mata yang digunakan oleh negara-negara Timur untuk berbincang dan menyelesaikan masalah-masalah bersama.

EAEC boleh juga bertindak untuk membantu sebaik mungkin negara-negara anggota yang ketinggalan. Dengan bersatu, semua usaha itu dapat diselaraskan dengan lebih sempurna, katanya.

Beliau bersetuju bahawa perbezaan budaya sedikit sebanyak menimbulkan ketidakfahaman mengenai EAEC tetapi berkata bahawa pada amnya, orang ramai adalah sama di mana-mana, setengahnya lebih munasabah manakala yang lain tidak.

Dr Mahathir berkata bahawa akan menjadi bencana jika mereka yang tidak munasabah berkuasa tetapi pada masa yang sama, mereka yang munasabah sentiasa berpeluang untuk memegang kuasa dan mereka ini akan mendapati bahawa EAEC sebenarnya tidak merbahaya.

Tentunya, EAEC tidak sama langsung dengan kerjasama tertutup yang wujud antara Kesatuan Eropah atau dalam NAFTA, katanya.

Beliau yakin bahawa dengan terus memberi penjelasan mengenai EAEC, mereka yang masih tidak faham mengenai cadangan itu akan menyokongnya suatu hari nanti. "Ini harapan saya," katanya.

Dr Mahathir juga berkata bahawa beliau mempunyai satu amanat untuk disampaikan kepada G-7 (kumpulan tujuh negara perindustrian utama), yang pemimpin-pemimpin mengadakan sidang kemuncak di sini pada Julai, iaitu mereka harus memikirkan kepentingan seluruh dunia bukan negara sendiri sahaja.

Beliau merujuk kepada sidang kemuncak G-7 yang lepas, yang membuat keputusan bahawa satu penilaian semula yen adalah langkah terbaik untuk mengurangkan lebihan dagangan Jepun dengan Amerika Syarikat.

Bagaimanapun, kesan terhadap sebuah negara seperti Malaysia adalah nilai yen meningkat 100 peratus berbanding ringgit, mengakibatkan jumlah ringgit yang Malaysia perlukan untuk membayar balik pinjaman yen berganda, dan begitu juga pembelian barangan dari Jepun.

Dr Mahathir berkata bahawa dalam beberapa minggu kebelakangan ini, nilai yen meningkat semula dan melambung kira-kira 20 peratus berbanding dengan ringgit, menyebabkan kesan yang sama ke atas Malaysia.

"Jadi, jika ada amanat untuk G-7, ia berbunyi begini: Tolong jangan hanya melihat diri sendiri sahaja tetapi fikirkan juga mengenai negara-negara lain di seluruh dunia kerana keputusan anda akan memberi kesan ke atas kami," katanya.

Menjawab satu pertanyaan mengapa isu penting seperti penghijrahan tidak disentuh dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata isu itu termasuk dalam agenda.

Malaysia sendiri mempunyai kira-kira satu juta warganegara asing, ramai daripada mereka berada di negara itu secara haram, tambahnya.

Ditanya mengenai laporan bahawa Jepun menggolongkan Malaysia dalam senarai negara-negara yang mengamalkan perdagangan tidak adil, beliau berkata, "Malaysia sedang menyediakan senarai orang yang mengamalkan dagangan tidak adil dan saya rasa Jepun turut tersenarai." Ini disambut oleh dengan gelak ketawa oleh para hadirin. -- Bernama